

28 FEB 2002

Mahathir-Syarikat

NILAI ASET SYARIKAT YANG DIAMBIL ALIH BOLEH DIREALISASIKAN

SEPANG, 28 Feb (Bernama) -- Kerajaan yakin nilai aset syarikat-syarikat yang diambil alih olehnya boleh direalisasikan dalam tempoh masa yang sederhana sama ada melalui penjualan syarikat atau kenaikan nilai saham.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan berpendapat syarikat-syarikat ini mempunyai aset yang mencukupi tetapi aset-aset tersebut tidak boleh direalisasikan atau dijual pada waktu ini untuk membayar hutang.

Kerajaan mampu untuk menyelesaikan masalah hutang syarikat-syarikat itu dan ia juga memerlukan syarikat-syarikat itu dengan aset-asetnya, katanya kepada pemberita sekembalinya ke tanah air petang ini setelah bercuti sebulan di luar negara.

Syarikat-syarikat berkenaan mempunyai peranan besar dalam bidang ekonomi, termasuk yang dapat memberikan peluang pekerjaan yang banyak, katanya.

"Itu sebab kita ambil alih syarikat ini dan bukan untuk bailout (selamatkan) sesiapa atau terdapat penyelewengan dalam pengurusan syarikat-syarikat ini," katanya.

beliau berkata tujuan kerajaan mengambil alih syarikat-syarikat adalah supaya masalah hutang mereka dapat diatasi.

"Tentu kita tak dapat memberi wang kepada syarikat yang bukan milik kita. Sebab itu kerajaan ambil alih beberapa syarikat ini supaya kita dapat selesaikan hutang (syarikat-syarikat itu)," katanya.

Beliau menjelaskan bahawa kegawatan ekonomi yang lalu yang telah menyebabkan nilai mata wang dan saham jatuh, turut menyebabkan syarikat-syarikat menghadapi masalah.

Keadaan itu berlaku di mana-mana sahaja termasuk negara-negara maju di mana masalahnya ialah tidak menyelesaikan hutang, katanya.

Oleh itu, kerajaan terpaksa ambil bahagian dalam penyelesaian perkara ini, kata Dr Mahathir.

Beliau juga memberitahu bahawa kerajaan tidak menyalahkan mana-mana pihak kerana menyebabkan masalah kewangan syarikat-syarikat itu melainkan terdapat perkara tertentu yang perlu diselidik.

Tindakan diambil kalau didapati cukup bukti ada penyelewengan, Dr Mahathir menegaskan.

Dalam kes Malaysia Airlines System Bhd (MAS), katanya, itu adalah keputusan pihak MAS sendiri untuk buat laporan.

Buat masa ini, kerajaan perlu menunggu keputusan penyelidikan yang dibuat, katanya.

Beliau berkata ini bukan satu usaha untuk menjatuhkan sesiapa kerana mereka telah membuat sesuatu yang salah dari segi jenayah.

Tiada orang-orang tertentu yang diburu, tetapi kerajaan hanya ingin membetulkan keadaan dalam beberapa buah syarikat besar yang menghadapi masalah, beliau menjelaskan.

Pengurusan baru MAS baru-baru ini telah membuat laporan polis tentang kemungkinan berlaku kesalahan dalam transaksi tertentu yang melibatkan MAS ketika ia diterajui oleh Tan Sri Tajuddin Ramli. -- BERNAMA

SHI MFZ JR